

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)69

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

69. Apakah status peniaga-peniaga yang berniaga di pesisir pantai Kuala Muda yang pernah dikompaun oleh MBSP?
- (a) Apakah jaminan dari Kerajaan Negeri bagi membantu peniaga-peniaga di luar bandar?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

69. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), peniaga-peniaga di pesisir Pantai Kuala Muda sehingga kini masih tidak mempunyai lesen penaja yang sah daripada MBSP. Walau bagaimanapun, pihak MBSP telah mengadakan usaha bersama pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Kuala Muda untuk melesenkan semua peniaga di kawasan ini. Pada 20 Oktober 2023, pihak MBSP telah menerima permohonan permit penganjuran daripada pihak MPKK Kampung Kuala Muda dan permohonan tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Sehenti Penganjuran pada

21 November 2023. Mesyuarat bagaimanapun memutuskan untuk menangguhkan permohonan tersebut dan memohon pihak MPKK menyediakan perincian butiran seperti berikut;

- (a) Menyemak dan mendapatkan surat kebenaran tuan tanah bagi penggunaan tapak niaga; dan
- (b) Pihak MPKK diminta mengemukakan pelan susun atur / pelan tapak secara terperinci kepada MBSP bagi melihat ukuran jarak antara petak yang disediakan dengan jalan raya.

Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak MBSP belum menerima perincian yang diminta oleh mesyuarat daripada pihak MPKK.

- (a) Jaminan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kerjasama bersama pelbagai agensi bagi membantu peniaga-peniaga luar bandar adalah seperti berikut:
 - (i) menjalankan penempatan semula penjaja yang tidak berlesen ke kawasan yang lebih bersesuaian;

- (ii) menawarkan dan memberikan keutamaan pengisian kekosongan gerai PBT;
- (iii) PBT menetapkan syarat kepada pemaju untuk menyediakan kemudahan pasar awam dan kompleks makanan baharu;
- (iv) PBT menyediakan garis panduan berkaitan penjaja kecil dan peniaga trak makanan dan perkhidmatan sebagai panduan kepada penjaja dan peniaga berkenaan spesifikasi untuk menjalankan aktiviti penjajaan;
- (v) Pemberian bantuan alatan melalui Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pejabat Daerah; dan
- (vi) Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi negeri dan persekutuan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan peniaga-peniaga luar bandar tidak

terkecuali dalam penglibatan program, pemberian bantuan dan geran yang ditawarkan.